

# 1,614 mangsa bah 3 negeri dipindah

BH 9.12.2007 M47

## Sungai utama di Kelantan lepasi paras bahaya

Oleh Ismail Mat, Rosli Jalil,  
Azida Shahrudin  
dan Baharom Bakar

**K**UALA LUMPUR: Banjir di Kelantan dan Pahang semakin buruk dan bilangan penduduk yang terpaksa dipindahkan ke pusat perpindahan sementara di kedua-dua negeri terbabit meningkat kepada 1,614 orang.

Walaupun banjir di Johor dilaporkan semakin surut, masih ada 3,626 mangsa daripada 887 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara di daerah Segamat, Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi dan Johor Bahru sehingga tengah hari semalam.

Di **PAHANG**, mangsa yang ditempatkan di 14 pusat pemindahan hingga petang semalam, meningkat kepada 1,031 berbanding 991 orang pada sebelah pagi.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, satu lagi pusat pemindahan dibuka di Taman Tas, Kuantan.

Katanya, mangsa yang dipindahkan membabitkan 705 orang di Daerah Rompin, Maran (230 orang) dan Kuantan (96 orang).

"Enam pusat pemindahan dibuka di Maran, lima di Rompin dan tiga di Kuantan," katanya.

Mangsa membabitkan kawasan Kampung Ganoh dan Kampung Mikang di Rompin, Kampung Sungai Cedoh, Kampung Bukit Kuin, Kampung Hulu Luit, Kampung Pat Pat, Kampung Bintang dan Pekan Sungai Jerik (Maran).

Katanya, Jalan Kampung Bak Bak, Kilometer (Km) 22.7 Jalan Maran-Jerantut, Km 24 Jalan Maran-Jerantut dan Jalan Kampung Seberang pula ditutup kepada semua kenderaan ringan kerana dinaiki air sehingga satu meter.

Di **KELANTAN**, bilangan penduduk yang dipindahkan meningkat kepada 583 orang, membabitkan 110 keluarga. Keadaan banjir dijangka bertambah buruk kerana semua sungai utama di seluruh negeri, terutama Sungai Kelantan sudah melepasi paras bahaya.

Pegawai Bertugas Bilik Gerakan Banjir Polis negeri, Asisten Superintendan Mohd Rosli Kadir, berkata banjir kini melanda enam jajahan iaitu Tanah Merah, Gua Musang, Kuala Krai, Pasir Mas, Jeli dan Kota Bharu.

Dua jalan utama, Jalan Kota Bharu-Pantai Cahaya Bulan, dekat Kampung Penambang dan Jalan Panglima Bayu-Rantau Panjang, dekat Kampung Rahmat, ditutup ke-

pada semua kenderaan kerana ditenggelami banjir sehingga dua meter.

"Selain itu, kira-kira 20 jalan kampung di kawasan terjejas banjir turut ditenggelami banjir menyebabkan hubungan terputus," katanya.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan pula berkata, mulai jam 5 petang semalam, paras air Sungai Kelantan, Sungai Lebir dan Sungai Golok melepasi tahap bahaya.

Sementara itu, pengguna Jalan Raya Timur Barat dinasihatkan berhati-hati ketika melalui laluan itu, terutama waktu malam berikutan beberapa kejadian cerun runtuh kecil berlaku sepanjang laluan antara Jeli ke Pergau, semalam.

Runtuhan kecil itu menyaksikan berapa pokok tumbang ke atas jalan raya di antara Kilometer 123 hingga 124, menyebabkan hanya satu lorong dapat digunakan.

Di **JOHOR**, jurucakap bilik gerakan banjir negeri berkata, 16 daripada 39 pusat pemindahan sementara sudah ditutup dan tiada pusat pemindahan baru dibuka, sehingga tengah hari semalam.

Segamat merekodkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 2,779 orang daripada 680 keluarga yang ditem-



BERNAMA

**BAGAIKAN LAUT: Kelihatan air Sungai Kelantan yang melimpahi tebing, semalam selepas hujan tidak berhenti sejak tiga hari lalu.**

patkan di 17 pusat pemindahan, manakala 11 pusat pemindahan di daerah itu ditutup.

"Mangsa ditempatkan di pusat pemindahan termasuk di Balai Raya Kampung Sekijang, Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa, Balai Raya Kampung Melayu Raya, Sekolah Menengah Dato Bentara Dalam, Balai Raya Air Pah Paya Pulau, Sekolah Kebangsaan Tamil Ladang Segamat, Balai Raya Pemuda, Balai Islam Kampung Paya Dalam.

"Pusat pemindahan lain adalah Balai Raya Kampung Batu Badak, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Sungai Hwa dan Balai Raya Pondok Tepi," katanya.

Katanya, 315 mangsa daripada 80 keluarga yang terjejas di Kluang ada-

lah penduduk Kampung Melayu Muhibbah, Kampung Contoh, Kahang dan Kampung Melayu Batu 4, Paloh. Mereka kini ditempatkan di pusat pemindahan Balai Aktiviti Kampung Contoh.

Seramai 162 mangsa daripada 39 keluarga Kampung Sungai Berangan dan Kampung Batu 25, Melati Putih di daerah Kota Tinggi masih ditempatkan di dua pusat pemindahan, manakala sembilan mangsa dari Kampung Parit Haji Kamisan, Yong Peng, Daerah Batu Pahat masih ditempatkan di balai raya kampung berkenaan.

Di **TERENGGANU**, banjir dilaporkan belum serius kerana belum ada penduduk negeri itu dipindahkan.

Malah, Jambatan Kampung Tela-

das, Air Putih, Kemaman, yang ditutup kepada semua lalu lintas selepas dinaiki air sedalam 0.7 meter sejak dua hari lalu, dibuka kepada semua kenderaan jam 2 petang semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu berkata, setakat ini tiada penduduk yang dipindahkan ke pusat perpindahan banjir atau di rumah saudara mara, walaupun beberapa kampung di kawasan rendah dinaiki air berikutan hujan lebat sejak tiga hari lalu.

Katanya, antara kawasan rendah dinaiki air sedalam 0.5 hingga 1.5 meter di daerah Setiu ialah Kampung Tasik, Kampung Buruk dan Kampung Buluh.